

HURAIAN

AIDS

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

"KAMI MEMENTINGKAN KESIHATAN ANDA"

10. HIV Singkatan kepada "Human immunodeficiency virus". Nama saintifik yang betul untuk virus AIDS. Nama-nama sebelumnya termasuklah LAV, HTLV – III dan ARV.
11. HIV POSITIF Istilah yang digunakan terhadap mereka yang disahkan mempunyai antibodi HIV.
12. HOMOSEKSUAL Perhubungan seksual sesama lelaki. Istilah biasa bagi homoseksual ialah 'gay'.
13. INTRAVENA Masuk ke dalam vena (pembuluh darah).
14. JANGKITAN OPPORTUNISTIK Jangkitan kuman yang disebabkan oleh kelemahan/kelumpuhan sistem imun badan. Apabila sistem imun merosot atau musnah, seperti pesakit AIDS, jangkitan opportunistik seperti demam paru (Pneumocystis carinii pneumonia) akan membawa maut kepada pesakit.
15. KANDIDIASIS Satu jangkitan kulat pada membran mukus - biasanya disebut seliawan dan selalu terjadi di bahagian dalam mulut.
16. KARSINOMA Tumor malignan atau barah yang merebak.
17. KEKURANGAN IMUN Satu keadaan kekurangan sistem daya ketahanan badan.
18. KEPENDAMAN (LATENCY) Satu tempoh apabila virus berkenaan masih berada di dalam badan, tetapi beristirahat dalam keadaan yang tidak aktif.
19. KONDOM Sarung yang biasa dibuat dari getah, dipakai pada zakar semasa melakukan perhubungan seks untuk mencegah kehamilan atau jangkitan penyakit.
20. LIMFOSIT-B Sejenis kumpulan sel darah putih yang menghasilkan antibodi (protein) sebagai tindak-balas pendedahan kepada sesuatu bahan asing (antigen).
21. LIMFOSIT-T Sel yang diperolehi dari sel darah putih yang telah matang di dalam kelenjar timus pada leher. Ada dua jenis limfosit – T (Sel T): pembantu dan penindas. Dalam kes

AIDS nisbah normal pembantu kepada penindas kurang dari 0.9.

22. **MEMBRAN MUKUS**
Membran yang melapisi ruang dan saluran yang berkomunikasi dengan udara seperti hidung, mulut dan dubur. Membran ini sentiasa lembab kerana rembesan berbagai jenis kelenjar.
23. **PANDEMIK**
Satu wabak yang luas tersebar ke seluruh dunia.
24. **PARASIT**
Sejenis organisma yang bergantung hidup semata-mata di dalam/pada sesuatu benda yang lain. Kutu, tungau dan kulat semuanya merupakan parasit dan dengan berbuat demikian kadangkala boleh menyebabkan penyakit. HIV adalah sejenis parasit yang tidak boleh hidup di luar sel haiwan.
25. **PATOGEN**
Sejenis organisma – mikro atau virus yang berupaya menyebabkan satu penyakit.
26. **PEMBAWA**
Seseorang yang tidak menunjukkan tanda atau gejala sesuatu penyakit tetapi membawa atau menyimpan kuman yang menyebabkan penyakit berkenaan dan berpotensi untuk merebakkan penyakit itu kepada orang lain.
27. **PENYAKIT HIV**
Spektrum jangkitan kuman HIV yang di peringkat akhirnya menyebabkan kelumpuhan sistem imun badan dan maut (AIDS).
28. **PERINGKAT JANGKITAN HIV**
Terdapat banyak percubaan untuk menerangkan perkembangan jangkitan HIV kepada AIDS. Selepas jangkitan, peringkat pertama mungkin tidak disertai oleh gejala atau disertai oleh gejala ringan. Selepas melalui beberapa tempoh masa, pembengkakan kelenjar limfa mungkin berlaku (LIMFADENOPATI UMUM KESELURUHAN). Selepas ini, orang yang dijangkiti akhirnya lumpuh sistem imun/badannya dan mendapat AIDS. Klasifikasi ini adalah tidak memuaskan kerana setiap peringkat seolah-olah bergabung dengan yang lain, gejala yang berbeza ditemui di negara-negara yang

- berlainan, dan tempoh masa yang berlainan di antara individu untuk masa ke setiap peringkat.
29. **PNEUMOSISTIS CARINII PNEUMONIA (PCP)** Sejenis demam paru-paru (pneumonia) yang jarang terjadi. Ia biasanya tidak berlaku ke atas seorang yang mempunyai sistem imun yang sempurna. Demam paru-paru ini merupakan gejala yang kerap berlaku kepada mereka yang mendapat AIDS. Ia mempunyai kadar kematian yang tinggi.
 30. **SARKOMA KAPOSI** Sejenis barah bahagian pendarahan yang jarang terjadi, kerap dilihat di bahagian kulit dan juga organ dalaman. Ia menyerang lebih kurang seorang dari empat orang yang mendapat AIDS.
 31. **SEL DARAH PUTIH** Sel-sel di dalam darah yang bertanggungjawab untuk melawan jangkitan. Ada beberapa jenis sel darah putih, termasuk LIMFOSIT. Sel keseluruhan yang utama di dalam darah yang normal ialah sel darah merah yang bertanggungjawab untuk membawa oksigen.
 32. **SEROPOSITIF** Bermaksud darah seseorang itu mengandungi antibodi tertentu. Seseorang yang seropositif terhadap HIV mempunyai antibodi kepada virus AIDS di dalam darahnya. Lawan seropositif ialah seronegatif.
 33. **SINDROM** Satu set gejala dan tanda-tanda yang menunjukkan kewujudan sejenis penyakit tertentu.
 34. **SISTEM IMUN** Mekanisma ketahanan badan yang menentang jangkitan dan beberapa barah tertentu.
 35. **STD** Singkatan Inggeris "Sexually Transmitted Diseases" atau Penyakit Kelamin. Penyakit-penyakitnya ialah seperti gonorrhoea, klamida dan jangkitan HIV iaitu boleh merebak semasa perhubungan seks.
 36. **TEMPOH Pengeraman** Masa yang berlalu antara agen yang menyebabkan jangkitan masuk ke dalam badan, dan kemunculan tanda dan gejala penyakit.

37. **UJIAN ANTIBODI** "Enzyme linked immunosorbent assay - (ELISA)" merupakan ujian saringan darah yang biasa digunakan untuk mengesan antibodi kepada HIV. Kaedah 'Western blotting' pula digunakan untuk mengesah jangkitan HIV.
38. **VAKSIN** Sejenis bahan yang digunakan untuk mencetus imuniti dalam diri penerima terhadap beberapa penyakit tertentu.
39. **VIRUS** Sejenis kuman yang paling halus yang hanya boleh membiak di dalam sel hidup. Kebanyakan penyakit manusia seperti campak, selsema dan cengkering adalah disebabkan oleh beberapa jenis virus.

AIDS

PEMBUNUH

Tingkatkan Pengetahuan Elakkan Jangkitan

